

Oleh Maiamalina  
Mohamed Amin  
maiamalina@hmetro.com.my

# Tenang, jangan panik

Kuala Lumpur

Jangan buat kesimpulan sendiri sehingga mengelirukan, sebaliknya yakini keputusan dibuat kerajaan berdasarkan data dan fakta daripada sumber berautoriti.

Nasihat oleh Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin itu buat seluruh rakyat Malaysia supaya bersama-sama mengharungi keadaan sukar pandemik Covid-19 ketika ini, dengan tenang dan tidak panik.

Katanya, sebagai ketua kerajaan, beliau memantau secara dekat perkembangan kes Covid-19 dan mengadakan sidang video harian dengan menteri dan pegawai kanan untuk mengurus wabak itu walaupun masih dalam kuarantin.

"Saya tahu ramai di luar sana yang mahu memberikan pandangan kepada kerajaan berhubung pengurusan Covid-19 kerana anda semua prihatin. Ada yang menghantar mesej secara peribadi kepada saya, juga yang membuat komen di media sosial.

"Semuanya saya berikan perhatian, (dan) mana-mana pandangan yang baik, kita bincangkan di peringkat Sidang Khas Majlis Keselamatan Negara (MKN). Kerajaan sentiasa mendengar dan memperbaiki serta menerima teguran dalam me-

nanangi wabak Covid-19.

"Yang penting ialah kita mesti bersama-sama dalam mengharungi keadaan yang sukar pada masa ini. Saya harap saudara dan saudari tidak mudah panik atau membuat kesimpulan sendiri berhubung situasi yang sedang kita hadapi, (dan) elakkan penyebaran berita-berita palsu yang boleh menyebabkan kita keliru," katanya dalam Perutusan Khas Situasi Semasa Covid-19 yang bersiaran langsung dari rumahnya di sini, semalam.

Muhyiddin berkata, buat masa ini kerajaan tidak memikirkan soal melaksana Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di seluruh negara kerana menguatkuasakan langkah itu sekali lagi boleh membawa kesan besar yang dikhuatiri

meruntuhkan sistem sosial dan ekonomi negara.

"Apa yang dilakukan kerajaan ialah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan Secara Bersasar di ka-

wasan yang dikenal pasti mempunyai kes Covid-19 yang tinggi.

"Dengan itu, aktiviti ekonomi dan sosial di kawasan-kawasan lain yang tidak

terjejas boleh diteruskan dengan amalan prosedur operasi standard (SOP) yang ketat dan penguatkuasaan undang-undang yang tegas," katanya.

Beliau turut yakin kes-



*Semuanya saya berikan perhatian, (dan) mana-mana pandangan yang baik, kita bincangkan di peringkat Sidang Khas MKN"*

Muhyiddin



apsiagaan sistem kesihatan negara akan membolehkan kerajaan menangani penularan Covid-19 tanpa perlu menutup sektor ekonomi seperti yang pernah dilakukan sebelum ini.

Katanya, sistem kesihatan negara juga lebih bersedia kali ini dengan jumlah ventilator, peralatan perlindungan peribadi (PPE), peralatan lain dan ubat-ubatan yang mencukupi.

Menurutnya, jumlah katil di hospital yang dikhususkan untuk merawat pesakit Covid-19 turut mencukupi dengan kapasiti penggunaan semasa adalah sekitar 29 peratus.

Bagaimanapun, Muhyiddin menyeru rakyat untuk mengamalkan SOP dengan lebih serius dan amalan norma baharu perlu diterap dalam diri, supaya usaha meratakan lengkung graf Covid-19 berjaya.

"Menggunakan aplikasi MySejahtera adalah normal baharu yang mesti kita budayakan, (kerana) usaha untuk mengesan kontak rapat adalah lebih mudah pada masa ini berbanding di peringkat awal penularan Covid-19 dahulu," katanya yang memberitahu 17 juta penduduk Malaysia sudah menggunakan aplikasi itu atau lebih 60 peratus rakyat.